



PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI

-ORGANIZATIONAL ANTI CORRUPTION PLAN –

(OACP)

MD MARAN

BAGI TAHUN 2024 – 2029



MAJLIS DAERAH MARAN, 26500, MARAN, PAHANG DARUL MAKMUR

: 09-4771 411

: 09-4771 511

: mdmaran.gov.my

: <https://www.facebook.com/MajlisDaerahMaranPahang>



RINGKASAN EKSEKUTIF

Penyediaan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29hb Januari 2019 dan arahan YAB Perdana Menteri Siri 2, No 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah dan rujukan utama MD Maran yang menggariskan tindakan yang menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memerangi rasuah. OACP MD Maran 2024-2029 ini dibahagikan kepada 4 Prinsip Pengurusan Anti Rasuah iaitu Komitmen Pengurusan Tertinggi, Penilaian Risiko Rasuah, Pelaksanaan Inisiatif dan Pemantauan dan Penilaian secara sistematik.



ISI KANDUNGAN:-

Perkara	Muka surat
Perutusan Dato Yang DiPertua	4
Pengenalan Pelan Anti Rasuah (OACP)	5
Konsep Pelan AntiRasuah	6
Keperluan Pelan Anti Rasuah (OACP)	7
Kaedah Pelaksanaan	8
Bidang-bidang berisiko	9
i) Bidang : Penguatkuasaan • Strategi Dan Objektif	10
ii) Bidang : Perolehan • Strategi dan Objektif	11
iii) Bidang : Tadbir Urus • Strategi Dan Objektif	12 – 14
iv) Bidang :Perundangan • Strategi Dan Objektif	15
Prinsip Pengurusan Anti Rasuah MD Maran	16 – 17
Mekanisme Pelaksanaan	18
Struktur Tadbir Urus Pemantauan OACP MD Maran	19 – 20
Mekanisme Pemantauan	21
Mekanisme Penilaian	22
Kesimpulan	23
Jawatankuasa Induk OACP Majlis Daerah Mararan	24



Assalamualaikum WBT,

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnianya, MD Maran telah Berjaya meneydiakan Pelan Anti Rasuah (PAR) bagi tempoh 2024-2029. PAR ini dirangka adalah merujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut kesesuaian berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi oleh penjawat awam pada masa kini.

Cabarab penjawat awam pada masa kini amat rumit dalma memastikan etika kerja dan integriti di amalkan dalam sesebuha organisasi. Kepesatan pembangunan, ekonomi dan teknologi masa kini mewujudkan keinginan dan kemahuan yang tinggi pada individu terutamanya penjawat awam bagi mencapai kepuasan diri. Dengan penyediaan PAR ini , diharapkan MD Maran dapat mendidik warga kerja agar tidak terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang boleh menjejaskan imej MD Maran sekaligus merosakkan kerjaya dan kehidupan individu terbabit.

Pencapaian dan kejayaan MD Maran adalah bergantung kepada tadbir urus cemerlang dalam usaha melahirkan warga kerja kompeten, dinamik , berintegriti serta bertanggungjawab untuk memastikan warga kerja MD Maran dihormati dan disegani oleh masyarakat. Justeru itu, perlaksanaan PAR ini saya berharap agar warga kerja MD Maran dapat memahami dan melatih diri untuk mengamalkan etika kerja cemerlang agar perkhidmatan yang diberikan adalah terbaik antara yang terbaik di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain.

Sekian, Wassalam

Dato' Sharuddin bin Jali, DIMP., SMP.
Yang Dipertua
Majlis Daerah Maran





PENGENALAN PELAN ANTI RASUAH (OACP)

Pelan AntiRasuah (OACP) merupakan strategi pencegahan rasuah secara bersepadu dan berterusan sebagai usahalan dalam menjadikan MD Maran sebuah organisasi yang sistematik dalam membudayakan organisasi yang bebas rasuah. Ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran berhubung kesalahan jenayah rasuah, salahguna kuasa, dan penyelewengan serta melahirkan warga organisasi yang berintegriti tinggi dan berpegang teguh kepada undang-undang, peraturan dan kod etika kerja yang berdisiplin. Melaksanakan usaha pencegahan rasuah melalui Pelan Anti Rasuah (PAR). Meletakkan tanggungjawab bersama untuk membanteras jenayah rasuah kepada organisasi itu sendiri.

VISI

- MDM Komited Memperkasakan Maran Bandar Sejahtera sehingga Tahun 2030

MISI

- Bertanggungjawab untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk dalam kawasan MDM melalui perkhidmatan yang cekap, berkesan dan berintegriti.

MOTTO

TELITI PASTI BERKUALITI



KONSEP PELAN ANTI RASUAH (OACP)

Cabaran MD Maran dalam usaha pencegahan rasuah ialah untuk meningkatkan kesedaran kepada warga kerja dalam memerangi jenayah rasuah, penyelewengan, dan salahguna kuasa serta meningkatkan integriti di dalam organisasi

Faktor-faktor yang menjejaskan Integriti:-

i. Kepimpinan

- Kepimpinan kurang teladan
- Arahan pemimpin yang melanggar peraturan dan prosedur kerja

ii. Sistem Dan Prosedur

- Kurang ketelusan di dalam prosedur
- Kelemahan system, prosedur dan garis panduan
- Kurang penguatkuasaan dan pilih kasih
- Kurang pemantauan dan penilaian
- Keupayaan sumber manusia dan material yang terhad
- Percanggahan dengan undang-undang

iii. Individu

- Kurang pendidikan dan penghayatan nilai-nilai murni
- Etika kerja lemah
- Tamak

iv. Budaya

- Enggan membuat laporan kerana bimbang tindakan balas
- Sikap tidak ambil peduli



Pelan Anti Rasuah (OACP) MDMaran 2024-2029

KEPERLUAN PELAN ANTI RASUAH (OACP)

Menjadikan kakitangan
MD Maran berintegriti
dalam menjalankan tugas

Mengamalkan budaya
kerja yang lebih baik

Menjadikan SPRM sebagai
perunding dalam
memberikan latihan dan
khidmat nasihat ke arah
usaha pencegahan rasuah

Meningkatkan martabat
integriti di kalangan
kakitangan MD Maran

Pencegahan rasuah
melalui usaha dalaman
akan lebih memberi kesan



KAEDAH PERLAKSANAAN

i. Mengenalpasti isu berbangkit

Mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan perlakuan rasuah, penyelewengan, dan salahguna kuasa yang berlaku serta akan menjejaskan integriti dan keupayaan organisasi

ii. Membuat analisa dan kajian


Strategi PAR berdasarkan data-data iaitu maklumat, tohmahan, laporan mengenai staf, agensi/jabatan berkenaan. Membuat analisa terhadap usaha-usaha peningkatan integriti yang telah dijalankan dan kajian impak keberkesanannya.

iii. Merangka PAR

Rangka tindakan yang memperjelaskan matlamat dan strategi kearah meningkatkan integriti dan strategi pencegahan rasuah dalam organisasi



BIDANG-BIDANG BERISIKO





(i) BIDANG PENGUATKUASAAN:

Strategi: Meningkatkan kredibiliti agensi penguatkuasaan undang-undang yang digunakan di MD Maran

Objektif Strategi: Mempertingkatkan kecekapan dan amalan profesionalisme penguatkuasaan

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian/ Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Salahguna kuasa dalam melaksanakan tugas harian	➤ Melaksanakan pusingan kerja secara konsisten ➤ Meningkatkan pengetahuan berkaitan penguatkuasaan melalui kursus, bengkel dan taklimat	Jabatan Khidmat Pengurusan Semua jabatan yang terlibat dalam penguatkuasaan	2024-2029 2024-2029
b.	Tidak adil dalam melaksanakan tugas	➤ Menyediakan borang perakuan pengisytiharan hubungan pertalian keluarga bagi tidak menyertai operasi yang melibatkan hubungan kekeluargaan terhadap kakitangan penguatkuasa yang terlibat	Bahagian Penguatkuasaan	2024-2029
c.	Anggota terdedah ke arah perlakuan menerima suapan dan salah guna kuasa ketika menjalankan tugas	➤ Melaksanakan Program dan kempen kesedaran dalam aspek governans, integriti dan anti rasuah berikut:- i. Bacaan Ikrar Integriti ii. Hari Kesedaran Integriti iii. Hebahan digital berkaitan integriti iv. Taklimat berkaitan SPRM 2009 ➤ Menjalankan pusingan kerja secara berkala bagi anggota penguatkuasaan ➤ Lawatan siasatan tapak dijalankan bersama antara jabatan teknikal yang terlibat	Unit Integriti/Unit Audit Dalam/Jabatan Khidmat Pengurusan Jabatan Khidmat Pengurusan Jabatan Teknikal terlibat	2024-2029 2024-2029 2024-2029
d.	Kebocoran maklumat semasa menjalankan operasi	➤ Mengenalpasti pegawai yang berisiko dengan melaksanakan program pemulihan dan kaunseling ➤ Memastikan integriti pegawai menjaga kerahsiaan sesuatu operasi sentiasa dalam status sulit dengan menandatangani Aku Janji Kerahsiaan Maklumat Operasi	Unit Integriti/Unit Audit Dalam & Jabatan Khidmat Pengurusan Bahagian Penguatkuasaan	2024-2029 2024-2029



(ii) BIDANG PEROLEHAN:

Strategi: Meningkatkan ketelusan dan keberkesanan perolehan awam

Objektis Strategi: Meningkatkan ketelusan dan tahap profesionalisme dalam proses perolehan.

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian /Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Kebocoran maklumat penyebutharga yang berjaya sebelum senarai di paparkan	➤ Memberi peringatan kandungan Integrity Pack sebelum memulakan mesyuarat Jawatankuasa Perolehan	Semua Jabatan/Bahagian / Unit	2024-2029
b.	Kebocoran maklumat semasa penyediaan anggaran jabatan (BQ)	➤ Anggaran jabatan dijadikan dokumen sulit. Prosedur penyediaan dokumen Anggaran Jabatan (BQ) diwujudkan. (penggunaan fail hijau iaitu bertaraf sulit) ➤ Mengeluarkan pekeliling dalaman yang berkaitan penyediaan Anggaran Jabatan (BQ)	Semua Jabatan/Bahagian / Unit	2024-2029 2024-2029
c.	Pakatan antara pembekal dengan pegawai dalam urusan perolehan awam	➤ Membuat pusingan kerja terhadap keanggotaan jawatankuasa pembuka sebut harga dan penilaian sebut harga ➤ Menambahbaik Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan kajian pasaran bagi sesuatu perolehan	Semua Jabatan/Bahagian / Unit	2024-2029 2024-2029
d.	Wujud ruang dan peluang untuk rasuah dan pelanggaran integriti disebabkan oleh pembekalan daripada syarikat /kontraktor kerja yang sama dan berulang atau penyediaan spesifikasi perolehan yang menjurus kepada pembekal tertentu	➤ Menjadikan kursus kewangan, kursus perolehan, kursus berkaitan integriti kursus yang wajib kepada pegawai yang terlibat dengan perolehan	Semua Jabatan/Bahagian / Unit	2024-2029



(iii) BIDANG TADBIR URUS:

Strategi: Memperkukuhkan kecekapan tadbir urus dan nilai integriti yang tinggi

- Objektif Strategik:**
- i. Memastikan ketelusan dalam pentadbiran
 - ii. Memastikan kawalan pentadbiran yang baik dalam organisasi
 - iii. Membina halangan yang efektif terhadap ancaman rasuah dan perbuatan yang tidak berintegriti

OBJEKTIF STRATEGIK I: Memastikan ketelusan di dalam pentadbiran

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian/ Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Ketidakpatuhan kepada peraturan dan prosedur kerja	➤ Mengeluarkan surat pekeliling dan tindakan tatatertib akan dikenakan tanpa amaran secara pentadbiran ➤ Mempamerkan statistik tindakan tatatertib yang melibatkan isu rasuah	Jabatan Khidmat Pengurusan Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029 2024-2029



OBJEKTIF STRATEGIK II: Memastikan kawalan pentadbiran dalam keadaan baik di dalam organisasi

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian / Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Akses keluar masuk pejabat yang tidak dikawal boleh mengundang kepada sabotaj	Mewujudkan mekanisme kawalan (kunci elektronik) akses pintu keluar masuk pejabat. Kawalan aktiviti melalui kad kakitangan/pelawat	Jabatan Khidmat Pengurusan Bahagian Teknologi Maklumat	2024-2029
b.	Menggunakan kenderaan jabatan untuk tujuan selain urusan rasmi	Meningkatkan kefahaman terhadap Tatacara Pengurusan Kenderaan dengan mengadakan kursus berkaitan.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029
c.	Ketidakcekapan pegawai menyebabkan tugas gagal dilaksanakan dengan sebaiknya atau tidak memberikan hasil yang optimum	➤ Melaksanakan program latihan/kursus sekurang-kurangnya 1 kali dan mewujudkan sistem pemantauan prestasi secara berkala ➤ Memberikan penghargaan kepada pegawai yang memberikan maklumat berkaitan isu-isu rasuah (<i>whistle blower</i>)	Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029



OBJEKTIF STRATEGIK III: Membina halangan yang efektif terhadap ancaman rasuah dan perbuatan yang tidak berintegriti

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian/Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Integriti dan ketelusan kakitangan	Melaksanakan program kaunseling dan berkaitan untuk pegawai-pegawai yang bermasalah. Tindakan tata tertib dan tindakan undang-undang perlu dilaksanakan untuk masalah yang lebih besar bergantung kepada kes.	Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029
b.	Kebocoran maklumat/data rasmi	➤ Meningkatkan pemahaman dan penghayatan kepada kakitangan dengan mengadakan kursus kesedaran sekurang-kurangnya 1 kali setahun bagi maklumat /data terperinci seperti Garis Panduan Keselamatan Pejabat dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88)	Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029
		➤ Menyediakan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pengendalian dokumen terperinci dan pemantauan berterusan infrastruktur ICT	Jabatan Khidmat Pengurusan Bahagian Teknologi Maklumat	2024-2029
		➤ Melaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 1 kali setahun	Unit Audit Dalam	2024-2029
c.	Pegawai Perkhidmatan Kaunter terdedah kepada sogokan/ rasuah bagi melicinkan urusan proses permohonan	➤ Melaksanakan program pembangunan modal insan yang berintegriti dan bebas rasuah serta mengadakan taklimat berkaitan AKta SPRM 2009	Unit Integriti Jabatan Khidmat Pengurusan	2024-2029
		➤ Mempamerkan kod etika dan kelakuan petugas kaunter	Jabatan/Bahagian/Unit	2024-2029
		➤ Memasang cctv di kaunter-kaunter berisiko	Bahagian Teknologi Maklumat	2024-2029



(IV) BIDANG PERUNDANGAN

Strategi: Mempertingkatkan kredibiliti sistem perundangan

Objektif: Penambahbaikan ke atas Sistem Perundangan

OBJEKTIF STRATEGIK I: Penambahbaikan ke atas sistem perundangan

Bil	Risiko Rasuah	Pelan tindakan	Jabatan/Bahagian / Unit Pelaksana	Tempoh Masa pelaksanaan
a.	Peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) , Undang-undang kecil, Perintah serta peraturan yang telah melebihi 10tahun	Menyemak, mengkaji dan mengemaskini Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Undang-Undang Kecil, Perintah serta peraturan yang telah melebihi 10tahun.	Unit Undang-undang	2024-2029



PRINSIP PENGURUSAN ANTI RASUAH MAJLIS DAERAH MARAN





PRINSIP PENGURUSAN ANTI RASUAH MD MARAN

Prinsip pengurusan anti rasuah MD Maran adalah dasar yang dipegang oleh MD Maran dalam menentukan hala tuju pengurusan pelaksanaan OACP. MD Maran telah menggariskan 4 prinsip sepertimana berikut:-

a. Komitmen Pengurusan Tertinggi

Pengurusan Tertinggi MD Maran bertanggungjawab untuk memastikan MD Maran

- i. Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi
- ii. Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan anti rasuah yang berkuatkuasa
- iii. Menguruskan risiko rasuah organisasi secara berkesan

b. Penilaian Risiko Rasuah

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha anti rasuah MD Maran. Sehubungan itu, MD Maran perlu:-

- i. Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan
- ii. Memberi keutamaan kepada risiko rasuah samada dalaman mahupun luaran

c. Perlaksanaan Inisiatif

MD Maran akan mewujudkan langkah perlaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur tadbir urus, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.

d. Pemantauan dan Penilaian Secara Sistemik

Pemantauan dan penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan:-

- i. Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi
- ii. Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program
- iii. Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul



MEKANISME PELAKSANAAN

OACP yang disediakan ini hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh dengan melibatkan kerjasama di antara pihak pengurusan tertinggi MD Maran dan kakitangan MD Maran supaya inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik. Oleh itu, pengurusan tertinggi MD Maran hendaklah memastikan keberhasilan pelaksanaan OACP ini dijalankan dengan tindakan seperti berikut:-


Memastikan pelan tindakan yang dirancang dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan

Mengkoordinasi, memantau, menilai dan melaporkan pencapaian OACP

Membentangkan Laporan Pencapaian OACP dalam Mesyuarat JK Pemantauan dan Penilaian OACP dan Mesyuarat Pengurusan MD Maran



STRUKTUR TADBIR URUS PEMANTAUAN OACP MD MARAN





Unit Audit Dalam sebagai urusetia	Mesyuarat JK Pemantauan dan Penilaian OACP bersama Yang DiPertua	Membentangkan Pencapaian dan pelaporan OACP
Unit Audit Dalam sebagai urusetia	Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) peringkat MD Maran seperti berikut :- Pengerusi : Yang DiPertua, MD Maran Tlmb. Pengerusi : Setiausaha , MD Maran Ahli :- Semua Ketua Jabatan , MMaran Urusetia : UAD, MD Maran	Pembentangan status Pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di bawah OACP setiap suku tahun Mengenalpasti penyelesaian terbaik Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi dan agensi Memastikan inisiatif dalam OACP dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan

Pembentangan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif serta menyediakan Laporan ringkas dua kali setahun

Mengenalpasti penyelesaian risiko terbaik

Membuat keputusan penting selari dengan kepentingan organisasi



MEKANISME PEMANTAUAN

- Menjelaskan Objektif Program
- Memadankan inisiatif dengan objektif strategi
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pegumpulan data)
- Melaporkan kemajuan atau sebarang masalah di dalam Mesyuarat JK Pemantauan dan Penilaian OACP dan Mesyuarat Pengurusan (Jika perlu)



MEKANISME PENILAIAN

Inisiatif OACP dinilai sekali setahun namun tertakluk kepada keupayaan jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan kepada perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan, Pemantauan dan Penilaian OACP. Menerusi Laporan ini juga, pelaksana boleh mengemukakan masalah dan halanagn yang perlu di atasi untuk tujuan penilaian semula dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Induk OACP.

Penilaian keseluruhan pencapaian inisiatif perlu mengambil kira matlamat berikut:-

- A. Meningkatkan keyakinan penduduk setempat terhadap ketelusan perkhidmatan MD Maran demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama dengan menyediakan:-
 - i. Pelaporan Statistik pada semua bidang keutamaan
 - ii. Pelaporan statistic berdasarkan kaji selidik kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan sepanjang tempoh OACP
- B. Meminimalkan salah laku yang melibatkan integriti dan rasuah di kalangan kakitangan MD Maran dengan menyediakan:-
 - i. Laporan statistic salahlaku kakitangan di pantau dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian OACP MD Maran




KESIMPULAN

Pemantapan dan Pengukuhan governans, integriti dan antirasuah yang dilaksanakan oleh kerajaan merupakan satu usaha yang jelas dalam memerangi isu rasuah. Seiring dengan komitmen kerajaan dan NACP bagi mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali dengan budaya integriti dan bukannya rasuah, MD Maran menzahirkan komitmen tersebut dengan membangunkan OACP MD Maran bagi tempoh 2024-2029.

Justeru itu, sebagai dokumen pelengkap yang akan menjadi pemangkin kepada tadbir urus MD Maran supaya lebih berintegriti dari aspek tadbir urus dan bebas rasuah berpandukan dokumen OACP ini sekaligus ianya mampu untuk meningkatkan imej dan mengekalkan MD Maran sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertaraf 5 bintang.



Jawatankuasa Induk OACP Majlis Daerah Maran





**MAJLIS DAERAH MARAN, 26500, MARAN, PAHANG
DARUL MAKMUR**

☎ : 09-4771 411

☎ : 09-4771 511

🌐 : mdmaran.gov.my

f : <https://www.facebook.com/MajlisDaerahMaranPahang>

